



Ruj. Kami : JPNPP(SUK)600-2/24 JLD.3(55)
Tarikh : 6 Mac 2017

Pengetua / Guru Besar,
Semua Sekolah Menengah / Rendah Negeri Pulau Pinang

Tuan/Puan,

KEJOHANAN SOFBOL MAJLIS SUKAN SEKOLAH PULAU PINANG (MSSPP) TAHUN 2017

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kejohanan Sofbol MSSPP Peringkat Negeri akan berlangsung pada 8 hingga 19 Mei 2017 di SMK Datuk Haji Abdul Kadir, Kepala Batas.

3. Sehubungan dengan itu, sekolah yang ingin mengambil bahagian hendaklah muat turun **Borang Penyertaan** di laman sesawang MSSPP (www.msspp.com/index4/php) atau e-mel rasmi sekolah '@jpnpp.edu.my'. Borang yang lengkap perlu dibawa bersama oleh guru yang mewakili pasukan sekolah tuan/puan ke **Taklimat Pengurus Pasukan** yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

- 3.1 Tarikh : 13 Mac 2017 (Isnin)
- 3.2 Masa : 2.00 petang
- 3.3 Tempat : SMK Seberang Jaya, Lengkok Sembilang,
Bandar Seberang Jaya, 13700 Perai.

4. Untuk peringatan tuan/puan, sekiranya tiada wakil guru daripada sekolah tuan/puan menghadiri taklimat tersebut, maka pihak penganjur akan menganggap sekolah tuan/puan tidak akan menyertai pertandingan ini. **Borang penyertaan asal yang disahkan Pengetua / Guru Besar perlu diserahkan kepada jawatankuasa teknikal semasa Taklimat Pengurus Pasukan dan keputusan undian kumpulan adalah muktamad.** Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi En. Hasnizal Bin Hassan (PTPS MSSPP) di talian 012-6261094 atau Cik Chong Kwang Yen (Penyelia Sukan) di talian 016-4159434.

Kerjasama dan sokongan daripada pihak tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA”

Saya yang menurut perintah,

(HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI IBRAHIM)

Ketua Unit Sukan
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
E-mel : abdulhalim@jpnpp.edu.my

- s.k.:
1. Pengarah Pendidikan
 2. Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut/ Barat Daya/ Utara/ Tengah/ Selatan
 3. Pengetua SMK Seberang Jaya / SMK Datuk Haji Abdul Kadir